

PANDUAN HARI INOVASI PERINGKAT NEGERI PAHANG TAHUN 2019

PENGENALAN

Hari Inovasi Peringkat Negeri Pahang ini mula diperkenalkan pada tahun 2014 bagi menghimpun idea-idea inovasi serta dijadikan sebagai aktiviti tahunan*. Penganjuran Hari Inovasi ini merupakan satu bentuk pengiktirafan kepada individu dan agensi yang berjaya menghasilkan produk yang paling berinovasi dan juga usaha berterusan bagi membudayakan inovasi dan kreativiti sejajar dengan hasrat kerajaan bagi menjadikan inovasi sebagai salah satu bidang penjana pendapatan negara.

*tertakluk kepada sebarang perubahan/perbincangan dalaman.

OBJEKTIF

- I. Membudayakan inovasi bagi setiap peringkat kategori: Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Jabatan Kerajaan, Awam dan Institusi Pengajian Tinggi (Awam/Swasta) di Negeri Pahang.
- II. Menghimpun produk-produk inovasi di peringkat Negeri Pahang untuk dijadikan koleksi produk inovasi Negeri Pahang yang berpotensi tinggi.
- III. Mewujudkan generasi dan kelompok masyarakat yang kreatif dan inovatif dalam merekayasa ilmu dan idea inovasi masing-masing.
- IV. Memberi peluang kepada penginovasi untuk memasarkan produk/idea inovasi yang berpotensi untuk menjana pendapatan tambahan.

SYARAT PENYERTAAN HARI INOVASI PERINGKAT NEGERI PAHANG TAHUN 2019

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Pendaftaran penyertaan bagi Hari Inovasi Peringkat Negeri Pahang Tahun 2019 adalah melalui atas talian di laman web <https://pikir.pahang.gov.my> bermula dari 01 Disember 2018 (Sabtu) sehingga 11 Februari 2019 (Isnin).
2. Anugerah Inovasi Peringkat Negeri Pahang 2019 ini terbuka kepada **penduduk/permastautin di Negeri Pahang** sahaja mengikut kategori yang dipertandingkan.
3. Terdapat 5 Kategori Penyertaan (bergantung kepada jumlah penyertaan). Pembahagian kategori adalah seperti berikut:
 - **Awam (Perkhidmatan Kerajaan):** Individu atau kumpulan yang mewakili jabatan kerajaan masing-masing.
 - **Terbuka (Orang Awam):** Individu atau kumpulan yang tidak mewakili sebarang badan atau jabatan, tidak ditaja atau dibiayai oleh mana-mana pihak.
 - **Institut Pengajian Tinggi:** Individu atau kumpulan yang mewakili mana-mana institut pengajian tinggi di Negeri Pahang sama ada institut awam mahupun swasta.
 - **Sekolah Menengah:** Individu atau kumpulan yang berumur 13 hingga 17 tahun mewakili mana-mana sekolah menengah di dalam Negeri Pahang.
 - **Sekolah Rendah:** Individu atau kumpulan yang berumur 7 hingga 12 tahun mewakili mana-mana sekolah rendah di dalam Negeri Pahang.
4. Sekiranya penyertaan bagi sesuatu kategori tersebut tidak mencapai tahap minima (kurang daripada 10 penyertaan), kategori tersebut akan dibatalkan.

5. Pemohon hendaklah menggunakan **satu (1) ID sahaja (ketua kumpulan) bagi satu inovasi** yang ingin dipertandingkan. **SEORANG PEMOHON BOLEH MENYERTAI SATU KATEGORI PENYERTAAN SAHAJA.**
6. Hanya pemohon yang berjaya melepasi proses senarai pendek sahaja yang akan dijemput untuk mengambil bahagian di dalam peringkat akhir Anugerah Inovasi Peringkat Negeri Pahang 2019.
7. Pihak penganjur berhak untuk mengubah syarat pertandingan, jumlah hadiah atau sebarang bentuk hadiah tanpa makluman kepada para peserta.
8. Keputusan pertandingan akan ditentukan oleh panel hakim yang dilantik. **Keputusan adalah muktamad.** Sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan.
9. Setiap pencalonan hendaklah dikemukakan kepada pihak Urus Setia, **Seksyen Keurusetiaan, Unit Korporat** melalui **Sistem Pengurusan Inovasi dan Kreatif Pahang (Sistem PIKIR)**. Sebarang pertanyaan dan urusan surat-menyurat boleh dihubungi seperti maklumat berikut:

Telefon : 09-5163457 (Puan Erlyeza)
09-5159459 (Encik Lokman)
09-5163407 (Puan Suhaila)

Faks : 09-515 7448

E-mel : sukorporat@pahang.gov.my

Alamat : **Urus setia**
Unit Korporat, Tingkat Bawah, Blok C,
Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
PAHANG DARUL MAKMUR

**KRITERIA PEMARKAHAN
HARI INOVASI PERINGKAT NEGERI PAHANG
TAHUN 2019**

BIL.	KRITERIA	WAJARAN
1	Penglibatan pihak pengurusan	4 %
2	Signifikansi projek dan pembuktian	10 %
3	Tindakan penyelesaian	23 %
4	Keberhasilan projek	53 %
5	Potensi pengembangan inovasi	10 %
JUMLAH KESELURUHAN:		100 %